

Aku menjawab: Jika engkau makan atau jika engkau minum, atau jika engkau melakukan sesuatu yang lain, lakukanlah semuanya itu untuk kemuliaan Tuhan. Janganlah kamu menimbulkan syak dalam hati orang, baik orang Yahudi atau orang Yunani, mahupun Jemaat Tuhan. Sama seperti aku juga berusaha menyenangkan hati semua orang dalam segala hal, bukan untuk kepentingan diriku, tetapi untuk kepentingan orang banyak supaya mereka beroleh selamat.
1 Korintus 10: 30-33

Februari 11, 2024

www.heraldmalaysia.com

Kenyataan Pastoral tentang malam menjelang Tahun Baru Cina dan Hari Rabu Abu

Umat Tuhan yang dikasihi,

Tahun ini, Tahun Baru Cina jatuh pada hari Sabtu, Februari 10, 2024 dan Hari Rabu Abu pada Februari 14, 2024 iaitu hari kelima Tahun Baru Cina.

Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura Brunei, setelah berkonsultasi dengan Komisi Episkopal Liturgi Serantau Malaysia, Singapura, Brunei, menyarankan panduan berikut:

1. Pada hari Jumaat Februari 9, 2024 iaitu

malam menjelang Tahun Baru Cina, dispensasi berpantang diberikan.

2. Liturgi Misa Senja pada Sabtu, Februari 10, 2024 menggunakan liturgi Hari Minggu Biasa ke-6 Masa Biasa.

3. Pantang dan puasa kekal untuk Rabu Abu, Februari 14, 2024.

Semoga berkat Tuhan melimpah dan sukacita menyambut Tahun Baru Cina.

Kardinal William Goh
Presiden

Komisi Episkopal Liturgi
Serantau

Konferensi para Uskup
Katolik Malaysia, Singapura,
Brunei

Januari 31, 2024

Editor & Sidang Redaksi HERALD mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina

Tidak ada keluaran pada Februari 18, 2024. Kami akan kembali pada Februari 25, 2024.

Pesan Pra-Paskah 2024 Sri Paus Fransiskus

Tuhan menuntun kita keluar dari perhambaan

TAKHTA SUCI: Apabila Tuhan menampakkan diri-Nya, mesej-Nya sentiasa berkisar mengenai kebebasan: “Akulah Tuhanmu, yang membawamu keluar dari tanah Mesir, dari tempat perhambaan,” (Keluaran 20:2) demikian kata-kata permulaan pesan Pra-Paskah Sri Paus Fransiskus.

Pada tahun ini, musim Pra-Paskah bermula pada hari Rabu Abu, Februari 14, 2024. Berikut merupakan singkatan pesan Pra-Paskah Sri Paus Fransiskus:

“Akulah Tuhanmu, yang membawamu keluar dari tanah Mesir, dari tempat perhambaan” (Keluaran 20:2) adalah kata-kata pertama dari Dekalog yang diberikan kepada Musa di Bukit Sinai yang mengingatkan kita akan pengalaman perhambaan yang amat berat.

Di padang gurun, mereka menerima “Sepuluh Firman” sebagai jalan kebebasan. Kita menyebutnya “perintah” untuk menekankan kekuatan kasih yang membentuk umat Tuhan. Panggilan kebebasan adalah satu yang menuntut dan mendesak.

Ia tidak dapat dijawab dengan serta merta; ia perlu matang sebagai sebahagian daripada perjalanan. Sama seperti Israel di padang gurun yang masih terikat pada Mesir — sering merindui masa lalu dan mengeluh terhadap Tuhan dan Musa — hari ini juga, umat Tuhan masih terikat pada perhambaan yang menindas yang sepatutnya harus ditinggalkan.

Pra-Paskah adalah musim rahmat di mana padang gurun boleh sekali lagi terjadi — dalam kata-kata nabi Hosea — tempat cinta pertama kita (lihat Hos 2:16-17). Tuhan membentuk umat-Nya, membolehkan kita meninggalkan perhambaan kita dan mengalami Paskah dari kematian kepada kehidupan.

Buka mata kepada realiti untuk Pra-Paskah yang konkrit

Jika kita menghendaki agar perayaan Pra-

Paskah kita menjadi sesuatu yang konkrit, langkah pertama kita ialah membuka mata kepada realiti.

Apabila Tuhan menyeru Musa keluar dari semak belukar yang sedang terbakar, Dia menyatakan bahawa Dia adalah Tuhan yang melihat dan mendengar: “Aku telah menyaksikan penindasan umat-Ku di Mesir, dan mendengar rintihan mereka kerana dianiyai oleh para tukang kerah mereka. Aku tahu tentang keperitan yang dialami mereka. Maka Aku turun untuk membebaskan mereka daripada cengkaman warga Mesir dan membawa mereka keluar dari negeri itu ke sebuah negeri yang luas dan kaya lagi berlimpah-limpah susu dan madu.” (Keluaran 3:7-8).

Marilah kita bertanya pada diri sendiri: Adakah kita mendengar jerit tangis mereka itu? Adakah itu mengganggu kita? Adakah itu menggerakkan kita? Terlalu banyak perkara yang membuatkan kita terpisah antara satu sama lain dan menafikan persaudaraan.

Semasa lawatan saya ke Lampedusa, sebagai salah satu langkah menentang kecuaian globalisasi, saya telah mengajukan dua soalan yang semakin mendesak: Di manakah engkau?” (Kej 3:9) dan “Di mana adikmu?” (Kej 4:9).

Perjalanan Pra-Paskah kita akan lebih berkesan jika, kita mendengar kedua-dua soalan tersebut. Kita sedar bahawa pada hari ini kita masih di bawah pemerintahan Firaun yang menyebabkan kita lelah dan bersikap acuh tak acuh. Firaun mematikan impian, menghalang pandangan indah ke syurga, membuat dunia ini kelihatan seolah-olah tidak dapat berubah.

Marilah kita bertanya: Adakah saya mahu dunia baru? Adakah saya bersedia mening-



Umat Katolik menerima abu pada hari tersebut sebagai tanda pertaubatan dan bermulanya musim Pra-Paskah. (Gambar: LiCas News)

galkan kompromi saya dengan sifat yang lama?

Banyak kesaksian para uskup serta mereka yang berkarya demi perdamaian dan keadilan yang menyakinkan saya bahawa kita perlu melawan perasaan kekurangan harapan yang mematikan impian dan jerit tangis dalam senyap untuk diangkat ke syurga dan menggerakkan hati Tuhan.

Padang gurun lambang kebebasan, kematangan, jatuh cinta

Tuhan tidak pernah lelah terhadap kita. Marilah kita menyambut Pra-Paskah sebagai musim yang luarbiasa di mana Dia mengingatkan kita: “Aku Tuhanmu, yang membawamu keluar dari tanah Mesir, dari tempat perhambaan” (Keluaran 20:2).

Pra-Paskah adalah masa pertaubatan, masa

kebebasan. Yesus sendiri, seperti yang kita kenang setiap tahun pada Minggu pertama Pra-Paskah, dihantar ke padang gurun oleh Roh untuk dicubai dalam kebebasan.

Selama empat puluh hari, Dia akan berdiri di depan kita dan bersama kita: Dia yang menjelma menjadi Anak manusia. Berbeza dengan Firaun, Tuhan tidak menghendaki subjek, tetapi anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan.

Padang gurun adalah tempat di mana kebebasan kita dapat mencapai kematangan dalam membuat keputusan peribadi untuk tidak kembali kepada perhambaan. Di musim Pra-Paskah ini, kita menemui kriteria keadilan yang baru dan sebuah komuniti dengan mana kita dapat terus melangkah di jalan yang belum diredah.

● bersambung di mukasurat 6

Kebencian, dendam adalah anti-Kristus

Adakah ini perkara baharu atau kita hanya lebih menyedarinya sekarang?

Kebencian dan sikap tidak menghormati ada di mana-mana. Perkara ini berlaku di rumah-rumah kerajaan kita, dalam komuniti kita, di Gereja kita, dan dalam keluarga kita.

Kita sedang berusaha untuk beradab antara satu sama lain, apatah lagi untuk menghormati antara satu sama lain tetapi tidak selalunya berjaya. Kenapa? Mengapa ini berlaku dan semakin meruncing?

Lebih-lebih lagi, sama ada kita mahupun pihak lain, kita sering mewajarkan kebencian ini atas dasar moral, malah menggunakan alasan alkitabiah, mendakwa bahawa Injil mewajarkan kita untuk bersikap tidak hormat.

Misalnya dalam kata-kata ini, "Saya di pihak yang benar dan anda sangat salah. Itulah sebabnya saya tidak lagi menghormati anda dan Kitab Suci juga mewajarkan saya untuk membenci anda!"

Kitab Suci tidak menyokong sikap tidak menghormati. Begitu juga bagi perkara-perkara seperti rasionalisasi, kepentingan diri dan perkara-perkara yang bertentangan dengan sikap Yesus sendiri.

Oleh itu, mari kita mulakan dengan sesuatu yang telah lama diajar sebelum kedatangan Yesus.

Dalam kitab Yahudi, kita akan mendapati ayat ini: "Aku telah menjadikan kamu hina dina di hadapan semua orang, kerana kamu tidak berpegang pada jalan-Ku, tetapi memihak dalam keputusanmu. Bukankah kita semua adalah satu Bapa? Bukankah Tuhan yang

menciptakan kita? Mengapa kita memecahkan kepercayaan antara satu sama lain?" (Maleakhi 2,8-10).

Jauh sebelum kedatangan Yesus ke dunia, kerohanian Yahudi sentiasa memihak keadilan.

Walau bagaimanapun, ia masih memberi kebenaran untuk membenci musuh dan membalas dendam dalam situasi penganiayaan. Konsep ini dipanggil "mata ganti mata".

Tetapi Yesus telah mengecam perkara ini. Di mana-mana Yesus mengajar, mahupun dalam peribadi dan perbuatan-Nya, terutama semasa mengajar Sabda Bahagia di Bukit, Yesus mencabar kita dengan cara yang sangat baharu.

Dia memberitahu kita bahawa, jika kita ingin pergi ke syurga, amal kasih kita perlu mendalam dan melebihi daripada ahli Taurat dan orang Farisi. Jenis apakah kebajikan tersebut?

Ahli-ahli Taurat dan Farisi pada zaman Yesus sangat mirip dengan orang Kristian yang pergi ke gereja pada zaman kita.

Mereka adalah orang yang ikhlas, pada dasarnya jujur, pada dasarnya orang yang baik, yang mematuhi perintah dan mengamalkan keadilan dengan ketat. Tetapi, menurut Yesus, itu tidak mencukupi.

Kenapa? Jika anda seorang yang ikhlas yang jujur, mematuhi perintah, dan adil kepada semua orang, apakah yang masih kurang? Apa yang masih hilang terletak pada inti ajaran moral Yesus, iaitu, amalan kasih sayang dan pengampunan yang mengatasi kebencian dan

keluhan. Apa maksudnya?

Dalam keadilan dan kesaksamaan, anda berasa berhak untuk membenci seseorang yang membenci anda dan membalas dendam kepada seseorang yang telah menganiaya anda.

Namun, Yesus meminta yang sebaliknya, "Kamu telah mendengar bahawa dikatakan, 'Kasihilah sesamamu' dan bencilah musuhmu.' Tetapi Aku berkata kepadamu, kasihilah musuhmu dan berdoalah bagi mereka yang menganiaya kamu, supaya kamu menjadi anak-anak Bapamu yang di syurga ...

Jika kamu mengasihi orang yang mengasihi kamu, apakah upah yang akan kamu peroleh? Bukankah pemungut cukai pun berbuat demikian?

Dan jika kamu hanya memberi salam kepada kaummu sendiri, apakah yang kamu lakukan lebih daripada orang lain? Bukankah orang kafir pun berbuat demikian? Jadilah sempurna, sama seperti Bapamu yang di syurga adalah sempurna." (Matius 5, 43-48)

Inilah intipati moral Kristian. Bolehkah anda mencintai seseorang yang membenci anda? Bolehkah anda berbuat baik kepada seseorang yang mendoakan anda jahat? Bolehkah anda memaafkan seseorang yang telah melakukan kesalahan kepada anda? Bolehkah anda memaafkan seorang pembunuh?

Inilah yang merupakan ujian litmus untuk penganut Kristian, bukannya teologi moral atau sekadar mematuhi peraturan agama yang ketat.

Bolehkah anda mencintai sese-



Sekadar gambar ilustrasi. Jangan membuat ramai orang tergelincir kerana ajaran mu (Maleakhi 2:9).

orang yang membenci anda? Bolehkah anda memaafkan seseorang yang telah menyakiti anda?

Mampukah anda beralih dari kebiasaan semula jadi anda untuk membalas dendam?

Malangnya, hari ini kita gagal dalam ujian itu sama ada di peringkat ideologi dan agama.

Kegagalan ini kita dapat lihat di mana-mana — dari peringkat tertinggi kerajaan, dari peringkat tinggi dalam Gereja kita, dan dalam wacana awam dan swasta di mana-mana, orang secara terbuka menyokong sikap tidak hormat, perpecahan, kebencian, dan dendam — dan mereka menggunakan asas moral bagi mewajarkan tindakan mereka.

Ahli politik misalnya, bercakap secara terbuka dan jelas tentang membenci orang lain dan tentang membalas dendam terhadap mereka yang menentang mereka. Lebih teruk lagi, Gereja dan pemimpin Gereja turut menyokong mereka dengan alasan "Injil".

Ini perlu diselidik dan dijelaskan: sesiapa yang menyokong

perpecahan, tidak menghormati, membenci atau membalas dendam adalah bertentangan dengan Yesus dan Injil.

Selain itu, sesiapa yang menyokong orang sedemikian dengan menggunakan Kitab Suci, kononnya disokong oleh moral yang tulen, juga bertentangan dengan Yesus dan Injil.

Tuhan itu Pengasih. Yesus adalah Kasih dalam jiwa kita. Rasa tidak hormat, kebencian, perpecahan, dan dendam tidak boleh dikhotbahkan dalam nama Tuhan atau Yesus.

Oleh itu, elakkan dari memberikan pendapat yang menghasut, berat sebelah, berdebat, menyatakan rasa benci dengan menggunakan nama Yesus.

Begitu juga, sikap tidak hormat, kebencian, perpecahan, dan dendam (tidak kira betapa besarnya ia) — dianjurkan tidak menggunakan nama Yesus kerana perpecahan, tidak menghormati, kebencian, dan dendam adalah anti-Kristus.

— *Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser*

Menaruh belas kasihan kepada sesama

Hari ini, sempena Hari Orang Sakit Sedunia, mari kita melihat penyakit kusta yang amat mengerikan dan menakutkan bagi umat.

Dalam Kitab Imamat, Musa memberi keterangan dan perintah Tuhan tentang menghadapi pesakit kusta dalam Bab 13 dan 14! Sebab Musa percaya, hanya Tuhan yang dapat mengalahkan kusta.

Pada zaman Yesus, orang yang sakit kusta terpaksa hidup terpisah dengan masyarakat. Terpisah dari keluarga dan teman-teman serta terasing dari setiap hubungan antara sesama.

Misalnya dalam Imamat 13:45-46 dinyatakan: "Orang yang sakit kusta harus berpakaian yang cabik-cabik, rambutnya terurai, dan lagi dia harus menutupi mukanya sambil berseru-seru: Najis! Najis! Sepanjang dia kena penyakit itu, dia tetap najis; memang dia najis; dia harus tinggal terasing, di luar perkhemahan itulah tempat kediamannya".

Demikianlah nasib orang yang terkena kusta, mengalami pengasingan dan kehidupan mereka juga hancur.

Dewasa ini, syukur kepada Tuhan yang Mahakasih, berkat kemajuan dalam bidang perubatan, masalah penyakit kusta dapat dikatakan telah diatasi.

Tetapi inti pesan yang disampaikan Injil Markus hari ini tetap aktual dan sangat relevan.

Sekarang ini penyakit kusta badani atau jasmani memang belum lenyap seluruhnya, namun pada umumnya ia sudah dapat diatasi.

Tuhan juga menganugerahkan tokoh-tokoh yang bersedia membantu orang-orang yang menghadapi dan menderita kusta.

Pertama ialah Sto Damianus (Joseph De Veuster) yang melayani para pesakit kusta di Molokai di Kepulauan Hawaii. Beliau mulai bekerja menolong para pesakit kusta bermula tahun 1873.

Dia sendiri, pada tahun 1885

terkena penyakit kusta, dan meninggal dunia pada April 1889 sebagai mangsa pelayanan kasih kepada sesama.

Pada tahun 2009, mendiang Sri Paus Benediktus XVI telah mengumumkan doktor itu menjadi Santo Damianus.

Tokoh kedua yang sebagai penolong orang-orang kusta dan turut terkorban ialah Sr Marianne Cope (1838-1918), Pemimpin Umum salah sebuah Kongregasi Biarawati di Amerika Syarikat.

Sr Marianne berangkat ke Molokai dan bekerjasama dengan Fr Damianus. Mereka merawat dan menolong para pesakit kusta tanpa lelah.

Kita juga mengenang Ibu Teresa dari Calcutta (1910-1997), yang tidak pernah ragu-ragu, tidak takut melihat dan meraba wajah Yesus yang dijumpainya dalam diri umat paling miskin di India.

Ibu Teresa menulis: Kita harus sungguh murni dalam hati agar dapat melihat Yesus hadir

HARI MINGGU BIASA ENAM (TAHUN B)

IMAMAT 13:1-2.45-46
1 KORINTUS 10:31-11:1
INJIL MARKUS 1: 40-45

di dalam semua orang yang sangat miskin itu secara rohaniah. Kerana semakin buruk dan tidak kelihatan gambaran Tuhan dalam setiap peribadi, harus semakin besar dan kuatlah iman untuk melihat wajah Yesus dalam diri peribadi itu, yang harus kita layani dengan penuh kasih.

Memang pada masa ini kita jarang menjumpai penderita kusta lahiriah. Namun kini kita berhadapan dengan kusta dalam pelbagai bentuk lain yang menghancurkan peribadi manusia serta menjauhkan diri dari masyarakat.

Apabila berfikir tentang kusta jasmani mahupun rohani, jan-

ganlah kita takut.

Dunia kita ini bukanlah kuburan, melainkan tempat kita harus hidup bersama.

Tetapi untuk dapat hidup bersama dengan baik, sihat dan selamat, kita harus juga berani menyingkirkan segala penyakit-dalam diri kita sendiri mahupun terhadap sesama.

Penyakit rohani kita, khususnya terhadap sesama akan hilang apabila kita tahu dan mahu menjumpai Yesus dalam diri sesama kita. Makin besar penyakit kita, justeru harus makin besarlah iman, harapan dan kasih kita kepada Kristus. — *Msgr F.X. Hadisumarta O. Carm, iman Katolik.*

CAPA 2024, klerus KL selidik Sinode dan deklarasi Sri Paus

SEREMBAN: Setiap tahun pada bulan Januari, paderi Keuskupan Agung Kuala Lumpur bersidang untuk Perhimpunan Pastoral Tahunan Pendeta mereka (CAPA).

Pada tahun ini, CAPA berlangsung di *Glory Beach Resort*, Port Dickson, bermula pada petang Ahad, Januari 14 hingga tengah hari Khamis, Januari 18.

Kira-kira 60 paderi dan Uskup Agung Kuala Lumpur menyertai acara empat hari ini, yang menumpukan kajian keputusan Sinode 2023 dan menyelidiki isu serta dokumen penting terkini.

Sepanjang CAPA, pelbagai topik telah dibincangkan, dikongsi dan dibentangkan.

Fr Simon Labrooy membentangkan Laporan CAPA 2023, yang menyatakan analisis komprehensif tentang cabaran dan tahap kepuasan yang dialami pada tahun sebelumnya.

Satu lagi sesi penting ialah sesi yang dikendalikan oleh Fr Clarence Devadass, tentang keputusan Sinode tentang Sinodaliti 2023 dan persiapan untuk Sinode akan datang pada Oktober 2024.

Sebagai salah seorang delegasi Malaysia



Para klerus Keuskupan Agung KL mengabdikan gambar bersama dalam CAPA 2024 di Port Dickson.

yang hadir pada perhimpunan Sinode 2023 di Vatikan, Fr Clarence berkongsi pengalamannya sebagai peserta dan ahli jawatankuasa penggubal kerangka.

Beliau menekankan pentingnya kesediaan para klerus di peringkat Persidangan Gereja Malaysia untuk Sinode pada Oktober 2024. Paderi itu juga menjelaskan bagaimana Gereja boleh berkembang menjadi Gereja Sinodal dalam Misi, menekankan pemenuhan komitmen penginjilan di samping mengekalkan perpaduan dan kepelbagaian.

Dalam sesi lain, Uskup Agung Julian Leow dan Fr Philip Tay, OCD membimbing para klerus Keuskupan Agung KL tentang

dua deklarasi/dokumen terkini: *The Pastoral Meaning of Blessings (Fiducia Supplicans)* bertarikh Disember 18, 2023) dan *Penyertaan Transgender dan Golongan Homoseksual dalam Sakramen Pembaptisan dan Perkahwinan (Dicasterium Pro Doctrina Fidei)* bertarikh Oktober 31, 2023).

Latihan ini memberikan kejelasan tentang isu-isu yang berkaitan dengan berkat terhadap golongan homoseksual, tentang sinodaliti misi Gereja, kepentingan pertaubatan, dan perkara-perkara lain yang diketengahkan semasa Sinode 2023.

Pencerahan yang diperoleh semasa kajian ini membantu menjelaskan keraguan di

kalangan para paderi, membolehkan mereka memahami dengan lebih baik tentang deklarasi atau dokumen serta isu yang menyebabkan kekeliruan sebelum ini.

Pada paderi menyatakan sokongan dan berpuas hati dengan pengurusan pentadbiran Uskup Agung Julian yang telah sepuluh tahun menggembala Keuskupan Metropolitan Kuala Lumpur serta komited untuk bekerja bersama dengan prelatus itu dan menerima tanggungjawab bersama membina Gereja serta melayani umat.

Selain sesi, perbincangan dan forum, CAPA juga diisi dengan doa, adorasi, refleksi dan perayaan Ekaristi.

Kempen Pra-Paskah Pulau Pinang fokus misi sosial

PULAU PINANG: Sempena Kempen Pra-Paskah 2024, Caritas Penang menyampaikan sejumlah RM269,200 kepada 29 paroki dan 10 pertubuhan Misi Sosial di keuskupan Pulau Pinang sempena Kempen Kasih mereka.

Kardinal Sebastian Francis juga melancarkan Tema Pra-Paskah 2024 "Bersama Kita Membina Semula Gereja, Komuniti dan Rumah Bersama Kita".

Objektif utama pertemuan itu adalah untuk

memupuk kerjasama, sokongan, dan usaha bersama dalam bidang misi sosial.

Semasa acara itu, wakil daripada pelbagai organisasi misi sosial dan Caritas paroki berkongsi tentang rancangan mereka untuk

tahun ini.

Antara organisasi yang mengambil bahagian ialah Persatuan Kebajikan Haemodialisis St Anne; Fr Julien Agape Centre; *Mercy Home*; Pelayan Bantuan Keuskupan Pulau Pinang; Hospital Kanser Mount Miriam; Sekolah NTA untuk Kanak-kanak Pelarian; Rumah St Joseph; Pusat Jagaan Rumah Orang Tua (CWS) Simee; Tenaganita dan *Little Sisters of the Poor*.

Pengerusi Caritas Pulau Pinang, Fr Joachim Robert dalam ucapan penutupnya mengingatkan semua yang hadir tentang perlunya untuk bekerjasama, menghargai, bekerjasama dan menyokong antara satu sama lain.



Perwakilan dari pelbagai organisasi misi dan paroki menerima sumbangan dari Caritas Pulau Pinang.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur
Tel: 03-2026 8291
Email:
liza@herald.com.my

Ingin mendoakan Michael Jackson ...

Selain mendoakan ahli keluarga saya yang telah meninggal dunia, saya juga ingin mendoakan roh artis-artis pujaan saya yang telah tiada. Contohnya Michael Jackson dan beberapa orang rakan yang bukan Katolik. Bolehkah saya mendoakan jiwa-jiwa mereka yang bukan Katolik? — *Ingin Tahu*

Jawaban: Dalam bahagian Misa Arwah dalam Doa Syukur III, setelah mendoakan mereka yang wafat atau yang diperingati hari wafatnya, ia dilanjutkan dengan ungkapan doa, "Sudilah menerima dengan rela ke dalam Kerajaan-Mu Saudara-Saudari yang telah meninggal dan semua orang yang berkenan pada-Mu, yang telah beralih dari dunia ini."

Dalam doa ini tidak disebutkan secara spesifik agama mereka yang didoakan. Mereka yang berkenan pada Tuhan, tidak dapat dikategorikan ke dalam agama atau kepercayaan tertentu.

Pertanyaan yang lebih penting ialah tentang keselamatan. Sudah tentu, Gereja Katolik percaya bahawa keselamatan ada dalam diri Yesus Kristus, sebab Dialah Jalan, Kebenaran dan Hidup, hanya melalui Dia kita sampai kepada Bapa, sebab Dia itu sendirilah Tuhan, Bapa ada dalam Dia dan Dia ada dalam Bapa.

Akan tetapi, tidak bererti hanya mereka yang percaya kepada Kristus dan dibaptis dalam namanya yang akan diselamatkan-Nya. Gambaran tentang Yesus sebagai gembala yang baik memberi gambaran jelas akan hal itu, "Ada lagi pada-

Ku domba-domba lain, yang bukan dari kandang ini, domba-domba itu harus Ku tuntun juga ..."

Gambaran mengenai gembala dan domba mengingatkan kita akan gambaran mengenai gembala yang mencari, walaupun mempunyai 100 ekor domba, namun jika salah seekor domba itu hilang, gembala itu akan meninggalkan 99 domba itu demi mencari seekor domba yang hilang.

Tuhan senantiasa mencari untuk menyelamatkan sesiapa saja. Gambaran tentang domba juga digunakan oleh Matius ketika berbicara tentang siapa yang diselamatkan pada saat pengadilan terakhir.

Kriteria domba yang diselamatkan adalah mereka yang mahu melakukan sesuatu untuk sesama yang kecil dan menderita, sebab dengan melakukan itu, kita melakukannya untuk Tuhan.

Siapa yang diselamatkan bukanlah yang berseru "Tuhan-Tuhan," melainkan mereka yang melaksanakan kehendak Bapa. Malah mereka yang mendengar dan melakukan kehendak Bapa adalah mereka yang layak disebut sebagai saudara-saudari Yesus.

Semasa seorang ahli Taurat bertanya apa yang harus dibuat untuk memperoleh hidup kekal, agar diselamatkan, Yesus menjawab dengan perumpamaan tentang orang Samaria yang murah hati: bukan status yang menyelamatkan melainkan mereka yang menunjukkan belas kasih kepada mereka yang menderita.

Akan tetapi lebih lanjut, keselamatan adalah

daripada Tuhan, bukan berdasarkan pada kriteria manusia, sebab ketika orang ramai bertanya siapakah yang diselamatkan kerana jalan ke syurga itu sangat sukar, Yesus menjawab, "Bagi Tuhan segala sesuatu adalah mungkin".

Keselamatan adalah milik Tuhan, tidak tergantung pada usaha dan bahkan kriteria manusia. Tuhan berkehendak menyelamatkan semua malah mereka yang "di luar Gereja".

Dia mengharapkan semuanya bersatu kembali dengan-Nya, Sang Pencipta, sebab semuanya adalah anak-anak Tuhan. Dia menurunkan matahari dan hujan bagi sesiapa saja, juga bagi orang yang tidak benar, agar kita memiliki kasih yang tidak membeza-bezakan siapa saja, agar kita menjadi seperti Bapa.

Dalam Gereja Katolik terdapat dua ungkapan jalan keselamatan iaitu jalan keselamatan biasa, bagi mereka yang percaya dan dibaptis, serta jalan keselamatan di luar jalan itu (*extraordinary*) bagi mereka yang di luar Gereja.

Apakah boleh mendoakan arwah mereka yang bukan Katolik? Bukan sahaja boleh tetapi memang digalakkan untuk mendoakan mereka yang bukan Katolik kerana, "Tuhan ingin neraka kosong, Tuhan ingin semua masuk syurga."

Maka adalah baik jika kita memohon kepada Tuhan agar semua yang meninggal sama ada dibaptis atau tidak dibaptis, mendapat rahmat keselamatan Tuhan. — *Fr T. Krispurwana Cahyadi, SJ, hidupkatolik.com*

Sahabat kecil Yesus



Isikan tempat kosong pada dialog dan petikan Kitab Suci pada kotak di bawah.

Markus 1: 40-42

Seketika itu juga _____ lah _____ kusta orang itu, dan dia _____ sembuh.

lenyap menyembuhkan Engkau
menjadi penyakit sembuh


B_rtob_tl_h dan
p_rc_y_l_h
k_pad_I_jil



Lengkapkan apa yang dikatakan oleh paderi ketika kita menerima Abu.

Berobalah dan percayalah kepada Injil

KEN MAHU MEMBACA KITAB SUCI SEPANJANG PRA-PASKAH. BANTU KEN UNTUK MENDAPATKAN KITAB SUCI.



Warnakan gambar ini

Hello adik-adik,

Pada Februari 10 & 11 merupakan Tahun Baru Cina bagi rakan-rakan kita yang berbangsa Cina. Mari kita ucapkan "Selamat Tahun Baru" kepada mereka.

Februari 11 juga merupakan Hari Orang Sakit Sedunia.

Dalam pembacaan Injil pada hari Minggu ini, kita dapat melihat Yesus sangat berbelas kasihan kepada mereka yang sakit.

Oleh itu, jika ada ahli keluarga atau rakan adik-adik yang sedang sakit, berdoa-lah dan mintalah Yesus untuk menyembuhkan serta memberi mereka kekuatan.

Adik-adik kita juga akan menempuh musim Pra-Paskah tidak lama lagi.

Maka, pada hari Rabu ini, Februari 14, kita akan menyambut Hari Rabu Abu sebagai tanda permulaan musim Pra-Paskah.

Adik-adik, musim cuti sekolah juga sudah bermula. Oleh itu, luangkanlah masa ini untuk melawat rakan-rakan yang sakit dan warga emas!

Salam Sayang
Antie Melly

BELIA MILENIUM



Memperkuat persahabatan dalam iman Katolik

KENINGAU: “Berjalan Bersama Sahabat” merupakan tema kem belia Kerasulan Belia Katolik (KBK) Francis De Sales, Kg Keningau.

Program ini dijalankan pada Januari 2024 di Balai Budaya Kg Keningau dengan penyertaan seramai 59 belia KBK Kg Keningau dan seramai 24 belia KBK Kg Linsosod.

Pengerusi KBK St Francis De Sales, Sdra Brenda Baling bersama 18 orang timnya yang berdedikasi, telah membuat perancangan rapi selama dua minggu sebelum program termasuklah Tridum yang diadakan pada Januari 16-18.

Objektif utama kem ini adalah untuk membantu kaum muda memperdalamkan pengetahuan

mereka tentang ajaran Gereja Katolik.

Selepas pendaftaran pada Januari 27, kem dimulakan dengan Ibadat Sabda yang dipimpin oleh Katekis Gilbert Timun selaku Penasihat Rohani KUK St Francis De Sales Kg Keningau. Ceramah pertama disampaikan oleh Katekis Gilbert Timun bertajuk, “Peranan Sahabat Katolik”.

Ini disusuli dengan ceramah kedua oleh Bro Charles Nicholas tentang “Siapakah Yesus bagi Saya” dan seterusnya, “Pentingnya Belia Melayani Dalam Gereja” yang dikendalikan oleh Sdra Fabian Wong.

Selain sesi ceramah, program kembelia ini diselitkan jugadengan puji-pujian dan aktiviti permainan seperti Kapal Karam, Khabar

Angin, Mudah Peach, Harta Terpendam dan macam-macam lagi. Pada sebelah malam, diadakan doa taize yang dikendalikan oleh Sdra Charles, Sdri Calista Josey dan dibantu oleh Tim Koir Bukit Sukacita Kg Keningau. Beberapa peserta memberi maklum balas tentang kem tersebut bahawa mereka benar-benar merasai kehadiran Roh Kudus dan mengharapkan kem yang julung kali diadakan di kampung tersebut, dapat diteruskan.

Pengerusi Komuniti Umat Katolik (KUK) St Francis de Sales, Kg Keningau, Sdra Roney Manuk juga bersyukur program untuk belia itu selamat dijalankan serta berterima kasih semua pihak yang membantu. — **Earl Alex Lumau**

BERTOLAKLAH KE TEMPAT DALAM



MIRI: *Miri Diocese Youth Commission (MiDYC)* dengan kerjasama bersama Sdra Jude Antoine dan *Kasih House of Missionaries (KHOM)*, telah mengadakan program *MiDYC Servants Night* bertema *Put Into the Deep Sea*.

Lebih 100 umat hadir ke program yang diadakan di Dewan Madonna Gereja Mater Dei Lutong pada malam Januari 14 lalu.

Program ini dilaksanakan bagi membolehkan ahli *MiDYC* meluangkan masa bersama rombongan *KHOM*

yang mempunyai pengalaman dalam hal doa dan ibadat

Acara dimulakan dengan sesi pujian dan penyembahan, bacaan Kitab Suci dan renungan.

Kemudian acara diteruskan dengan doa yang dipimpin oleh Jude Antoine.

Pada akhir acara, *MiDYS* menyampaikan cendera kenangan untuk Jude serta rombongannya.

Sebelum bersurai, semua hadirin dan pengajar menyanyikan lagu “Kasih Yesus.” — **Andrian Enggkin**



Remaja belajar kendali kewangan demi perangi konsumerisme

SINTANG, Kalimantan, Indonesia: 28 remaja menyertai Rekoleksi Bina Iman Remaja Katolik (BIRKA) dan *Teens School of Mission (T-SOM)* pada Januari 28 lalu.

Salah seorang penganjur, Gabriel Serani, mengatakan rekoleksi bertema *Let Your Light Shine* pada rekoleksi ini merupakan lanjutan tema formasi pada tahun sebelumnya.

“Pada tahun 2023, rekoleksi itu bertema, “Akulah Bintang Misionari”. Dalam rekoleksi itu, para remaja dibimbing untuk mengenal dan menyedari hakikat misionari dalam diri mereka.

“Para remaja itu juga diajak untuk mengekspresikan atau memancarkan sifat misionari dalam lingkungan sekolah, Gereja dan masyarakat,” jelas Gabriel.

Rekoleksi dimulakan dengan Misa yang



dipimpin oleh Fr Patris Piki selaku Direktor Diocesan Karya Kepausan Indonesia Keuskupan Sintang.

Selanjutnya, para peserta diberikan edukasi mengenai literasi kewangan bagi membantu mereka mengendalikan kewangan sejak usia muda.

Terdapat empat cara mengendalikan kewangan dan mereka diminta memilih cara terbaik dengan menyisihkan 10% dari wang saku untuk ditabung.

Jika mereka mampu menerapkan hal tersebut, mereka dapat memerangi kebiasaan membelanjakan wang tanpa pertim-

bangun matang.

Selain itu, diadakan juga sesi bual bicara yang menjemput seorang paderi, religius, pekerja dan pelajar mengenai yang menjelaskan bagaimana mereka mengaplikasikan “terang iman” dalam kehidupan sehari-hari.

Pada sesi terakhir, para remaja diminta membuat refleksi dan berkongsi dengan peserta lain.

Septia Rachel Feby, salah seorang panel dalam sesi bual bicara, mengajak peserta selalu menjaga cahaya di tengah-tengah kesibukan sebagai pelajar dan remaja. “Agar cahaya tetap bersinar, kita harus tetap aktif melakukan pelayanan sebagai tanda ucapan terima kasih atas kebaikan Tuhan dan menerapkan semangat 2D2K iaitu Doa, Derma, Korban dan Kesaksian,” tuturnya. — **hidupkatolik.com**

Semoga ratapan mangsa perang didengar pemimpin dunia

ROMA: “Ketika kita mengingati mereka yang mati dalam dua Perang Dunia, marilah kita juga mengingati ramai — terlalu ramai — orang awam, mangsa perang yang tidak berdaya yang terkorban.”

Itu adalah kata-kata Sri Paus Fransiskus pada penghujung Audiensi Umumnya pada Febuari 1, sempena Hari Kebangsaan Mangsa Perang Awam Itali yang akan datang.

“Semoga tangisan kesedihan (mangsa) menyentuh hati mereka yang bertanggungjawab dan mereka yang mahu membawa kepada projek untuk keamanan,” tambahnya.

“Apabila anda membaca cerita tentang apa yang berlaku dalam peperangan hari ini, terdapat banyak kekejaman. Marilah kita memohon damai sejahtera kepada Tuhan kerana Dia sentiasa lemah lembut, tidak pernah kejam.”



“Ingatlah bahawa keamanan hanya boleh dibina atas kebenaran,” tegas Sri Paus.

“Semoga keprihatinan untuk kebaikan bersama, kawalan kemarahan yang betul dan saling memaafkan membantu anda membina tamadun cinta dalam situasi anda

sekarang.” Sri Paus Fransiskus telah menyeru gencatan senjata kemanusiaan di Gaza sejak Oktober 29. Prelatus itu telah merayu untuk keamanan di Ukraine hampir setiap kali Audiensi Umum sejak perang di Gaza bermula. — *media Vatikan*

Vatikan lantik dua uskup untuk China



Upacara pentahbisan Fr Anthony Sun Venjun, 53, sebagai uskup keuskupan Weifang pada Januari 29. Gambar: Ucanews.com

WEIFANG, China: Seorang uskup Katolik telah ditahbis untuk Keuskupan Weifang yang baharu didirikan di China, yang disetujui oleh Vatikan dan kerajaan komunis.

Uskup terbaharu, Msgr Anthony Sun Venjun, 53, ditahbiskan sebagai uskup Keuskupan Weifang di wilayah Shandong pada Januari 29.

Empat hari sebelum itu, pada Januari 25, seorang Uskup yang diiktiraf Vatikan dan kerajaan komunis, juga telah ditahbis.

Beliau ialah Fr Thaddeus Wang Yuesheng yang diiktiraf oleh Vatikan dan kerajaan sebagai uskup Keuskupan Zhengzhou di wilayah Henan.

Keuskupan Weifang telah didirikan pada April 2023, namun berita ini hanya diumumkan pada hari pentahbisan uskup,” kata media Vatikan.

Uskup John Fang Xingyao, man-

tan ketua Asosiasi Patriotik Katolik China, memimpin upacara pentahbisan tersebut.

Misa pentahbisan uskup itu disertai empat orang uskup lain, bersama 44 paderi dan 330 religius wanita dan awam.

Umat Katolik di Keuskupan Weifang mempunyai hubungan dengan karya-karya misionari Fransiskan Perancis, namun mereka tidak memiliki uskup sejak tahun 2008.

Uskup Anthony Sun lahir tahun 1970 dan menyelesaikan studi di Seminari Sheshan, Shanghai dari tahun 1989 hingga 1994. Beliau ditahbis sebagai paderi pada tahun 1995 di Katedral Beijing.

Beliau melayani pastoral di Shandong tahun 2005 dan pada tahun 2007 berangkat ke Ireland untuk melanjutkan pendidikannya. Tahun 2008, beliau kembali ke Weifang dan melanjutkan pelayanan pastoralnya di sana. — *ucanews.com*

Berkat adalah tanda kedekatan Gereja

VATIKAN: Paus Fransiskus menegaskan bahawa pemberkatan informal yang dilakukan untuk pasangan sesama jenis atau pasangan lain yang belum berkahwin bukanlah berkat atas persatuan mereka, namun merupakan tanda kedekatan Gereja Katolik dengan harapan iman mereka akan bertumbuh.

Tujuan ‘berkat pastoral dan spontan’ adalah secara nyata menunjukkan kedekatan Tuhan dan Gereja kepada semua orang ketika berada dalam situasi yang berbeza,” kata Sri Paus Fransiskus

pada Januari 26, ketika prelatus itu bertemu dengan para anggota Dikasteri Ajaran Iman.

Para anggota dikasteri itu mengadakan mesyuarat pleno tahunan di Vatikan.

Pernyataan Sri Paus Fransiskus kepada para anggota dikasteri itu berfokus kepada perbincangan mereka tentang sakramen, martabat manusia dan iman, khususnya evangelisasi


Bapa Suci turut membincangkan dokumen “*Fiducia Supplicans*” tentang “makna pastoral

dari berkat,” yang diterbitkan oleh dikasteri dan ditandatangani oleh Sri Paus Fransiskus pada Disember 18, 2023.

Dokumen tersebut mengatakan meskipun Gereja “tetap teguh” dalam mengajarkan bahawa perkahwinan hanyalah persatuan seumur hidup di antara seorang lelaki dan seorang wanita tetapi dalam keadaan tertentu, para paderi boleh memberikan berkat non-sakramental dan non-liturgi kepada “pasangan di luar tabii” dan berkat itu bukan berkat perkahwinan.

Sri Paus menegaskan dua perkara berikut. Pertama — “berkat ini, di luar konteks dan bentuk liturgi apa pun, tidak memerlukan kesempurnaan moral.”

Kedua — “ketika pasangan secara spontan mendekati untuk meminta berkat, yang diberkati bukan kesatuan pasangan itu tetapi hanya orang yang membuat permintaan bersama dan sudah tentu, dengan mengambil kira konteks, sensitiviti, tempat tinggal orang dan cara yang paling sesuai untuk melakukannya.” — *ucanews.com*



● sambungan dari muka surat pertama

Namun, ini melibatkan satu perjuangan, seperti yang dijelaskan kepada kita di dalam kitab Keluaran dan godaan Yesus di padang gurun. Suara Tuhan yang berkata, “Engkau lah Anak-Ku yang Ku kasih dan dengan-Mu Aku berkenan” (*Mrk 1:11*), dan “Jangan ada padamu tuhan-tuhan lain selain Aku” (*Keluaran 20:3*) dilawan oleh musuh dan tipu dayanya.

Sementara mereka yang berbakti kepada berhala menjadi seperti berhala itu, bisu, buta, pekak, dan tidak bergerak (lihat *Mazmur 114:4*), orang-orang miskin roh adalah terbuka dan bersedia: suatu kekuatan yang baik yang diam yang menyembuhkan dan menopang dunia.

Telah tiba masanya untuk bertindak, dan semasa Pra-Paskah, bertindak juga bermaksud untuk berhenti sejenak. Berhenti sejenak dalam doa, untuk menerima firman Tuhan, berhenti seperti orang Samaria di hadapan saudara atau saudari yang

terluka. Kasih kepada Tuhan dan kasih kepada sesama adalah satu kasih.

Tidak menyembah tuhan-tuhan lain bermaksud berhenti di hadapan Tuhan di samping keperluan saudara kita.

Oleh itu, doa, sedekah dan berpuasa bukanlah tiga perbuatan yang tidak berkaitan, sebaliknya ia adalah sebuah pergerakan ke arah keterbukaan dan mengosongkan diri, di mana kita mengusir berhala-berhala yang membebani kita, cengkaman yang memenjarakan kita.

Di hadapan Tuhan, kita menjadi saudara dan saudari, lebih peka antara satu sama lain: sebagai ganti terhadap ancaman dan musuh, kita temui teman dan rakan seperjalanan. Inilah impian Tuhan, tanah yang dijanjikan yang kita tuju setelah meninggalkan perhambaan kita.

Bentuk Gereja sinodal, yang dalam tahun-tahun ini kita kenal kembali dan pelihara, mencadangkan bahawa Pra-Paskah juga merupakan masa keputusan komuniti, segala bentuk keputusan, kecil dan

besar, yang berlawanan arus.

Saya mengajak setiap komuniti Kristian untuk melakukan ini: untuk menawarkan waktu kepada setiap orang untuk merenung semula gaya hidup mereka, waktu untuk menilai kehadiran mereka dalam masyarakat dan sumbangan yang mereka buat untuk memperbaikinya.

Celakanya kita jika amalan Kristian kita menyerupai jenis kerja bakti yang membuat Yesus gelisah. Kepada kita juga, Dia berfirman: “Apabila kamu berpuasa, jangan tunjukkan muka lesu seperti orang munafik. Mereka memperlihatkan wajah menderita supaya semua orang tahu mereka berpuasa.” (*Mat 6:16*). Sejauh mana Pra-Paskah ini menjadi masa pertaubatan, umat manusia yang gelisah akan melihat pancaran kreativiti, kilauan harapan baru.

Biarkan saya mengulangi apa yang saya beritahu kepada para anak muda yang saya temui di Lisbon di musim panas lalu: “*Teruslah mencari dan bersiap sedia untuk mengambil risiko. Pada masa ini, kita*

menghadapi risiko besar; kita mendengar rayuan menyakitkan dari begitu banyak orang. Memang, kita sedang mengalami peperangan dunia ketiga yang secara berperingkat. Namun, marilah kita temui keberanian untuk melihat dunia kita, bukan sebagai sedang menghadapi kematiannya tetapi dalam proses kelahiran, bukan di penghujung tetapi di permulaan babak baru yang besar dalam sejarah. Kita perlu keberanian untuk berfikir seperti ini” (*Ucapan kepada Pelajar Universiti, Ogos 3, 2023*). Inilah keberanian pertaubatan, lahir dari pembebasan daripada perhambaan.

Saya memberkati anda sekalian dan perjalanan Pra-Paskah anda.

Franciscus

*Sri Paus Fransiskus
Roma, St John Lateran,*

*Disember 3,
Hari Minggu pertama Adven*

ANGELUS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS



Jangan cuba “berunding dengan syaitan”!

VATIKAN: Bapa Suci Fransiskus memberi peringatan bahawa syaitan ingin “mengikat jiwa kita” dan memperhambakan kita dengan banyak godaan, tetapi “Yesus datang untuk membebaskan kita dari semua rantai yang mengikat itu.”

Dalam ucapan Angelusnya pada Januari 28, Bapa Suci berkata bahawa “syaitan sentiasa mengambil kebebasan anda” dan menamakan beberapa godaan yang digunakan oleh si jahat untuk menjerat kita.

Sri Paus Fransiskus menggalakkan orang ramai untuk belajar bagaimana untuk “berkata ‘tidak’ kepada godaan si jahat kerana jika tidak, kejahatan itu akan menjalar ke dalam jiwa.”

Apabila menghadapi godaan, jangan cuba “berunding dengan syaitan,” kata Sri Paus Fransiskus.

Bapa Suci menegaskan bahawa kita harus sentiasa menyeru Yesus. “Serulah Dia di mana kita merasakan belenggu kejahatan dan ketakutan sangat mencengkam.”

“Terdapat banyak rantai dalam hidup

kita,” jelas Sri Paus yang menyatakan ketagihan yang juga merupakan rantai kuasa kejahatan.

Selain ketagihan, manusia juga sering dirantai dengan kesempurnaan, kepenggunaan, dan hedonisme merosakkan keperibadian serta hubungan sesama.

“Dan rantaian lain: Terdapat godaan yang menjejaskan harga diri, ketenangan, dan melemahkan keupayaan untuk memilih dan mencintai kehidupan,” ujar Bapa Suci.

Sangti Papa ia berkata bahawa “penyembahan berhala adalah rantai yang sangat jelik, yang menimbulkan konflik dan boleh membawa kepada senjata yang membunuh, manipulasi pemikiran, atau ketidakadilan ekonomi. “Dan Yesus datang untuk membebaskan kita daripada semua rantai ini,” kata Bapa Suci.

“Yesus mempunyai kuasa untuk menguisir syaitan. Yesus membebaskan kita daripada kuasa kejahatan.”

Dalam renungannya tentang pembacaan Injil pada hari Minggu tersebut, Sri Paus

Fransiskus menggambarkan bagaimana Yesus membebaskan seseorang yang dirasuk “roh jahat dalam Injil Markus, bahawa kerasukan itu sangat menyeksa orang yang dirasuki sehingga menyebabkan dia menjerit.

“Inilah yang syaitan lakukan: Dia mahu menguasai kita untuk ‘membelenggu jiwa kita,’” katanya.

Bapa Suci menyatakan bahawa dalam Injil, Yesus mengusir syaitan dan tidak berdialog dengannya.

Semasa digoda di padang pasir, Yesus hanya menjawab iblis dengan kata-kata dari Kitab Suci.

“Tuhan, dengan kekuatan Roh-Nya, ingin mengulangi kata-kata yang dilemparkan-Nya kepada si jahat pada hari ini: ‘Pergilah! Lepaskan orang itu. Jangan pecahkan dunia, keluarga, masyarakat; biarlah mereka hidup dengan damai, supaya buah Roh-Ku berkembang, supaya kasih, sukacita, kelemahlembutan memerintah di antara mereka, dan bukannya kekerasan dan teriakan kebencian!’ — CNA

Petikan Kitab Suci untuk yang *broken heart*

Pernahkah anda mengalami perpisahan, atau kecewa dengan seseorang atau sesuatu dalam hidup anda?

Seorang penulis, Washington Irving berkata, “Cinta tidak pernah hilang. Jika cinta itu tidak dibalas, ia akan mengalir kembali dan melembutkan serta menyucikan hati.”

Apabila kita melalui fasa patah hati, kita perlu menghadapinya dengan sabar, dan yakin bahawa keadaan akan menjadi lebih baik. Siapakah yang dapat menghibur hati kita lebih baik daripada Tuhan sendiri?

Tuhan ingin menyembuhkan hati anda yang terluka dengan kata-kata kebenaran dan kehidupan-Nya. Bukalah Alkitab anda dan ingatlah bahawa Tuhan adalah sumber cinta yang tidak pernah habis. Adakah anda bersedia untuk membuka pintu hati anda kepadanya?

Berikut adalah beberapa petikan dari Kitab Suci yang boleh memberi anda harapan dan kekuatan dalam situasi ini:

“TUHAN itu dekat kepada orang-orang yang patah hati, dan Dia menyelamatkan orang-orang yang remuk jiwanya. — Mazmur 34:18.

“Dia menyembuhkan orang-orang yang patah hati dan membalut luka-luka mereka” — Mazmur 147:3.

“Demikianlah TUHAN adalah tempat perlindungan bagi orang yang terinjak, tempat perlindungan pada waktu kesesakan. — Mazmur 9:10.



Serahkanlah segala kekuatiranmu kepada-Nya, sebab Dia yang memelihara kamu. — 1 Petrus 5:7.

“Nantikanlah TUHAN! Kuatkanlah dan teguhkanlah hatimu! Ya, nantikanlah TUHAN!” — Mazmur 27:14.

Berjalan bersama Maria Ratu Dukacita

Setiap daripada kita mempunyai salib yang berbeza untuk dipikul. Oleh itu, bersikap baiklah pada semua orang kerana semua kita mempunyai kesusahan sendiri.

Apa pun salib atau penderitaan anda, berdoalah kepada Santa Perawan Maria Ratu Dukacita dan Puteranya kerana hanya Yesus yang dapat mengangkat beban salib kita.

Berikut merupakan doa kepada Maria Ratu Dukacita menurut Sto Alfonsus Maria de Liguori:

Ya Santa Perawan yang berduka, ya jiwa yang mulia dalam keutamaan-keutamaan, seperti nyata dalam dukacitamu; keduanya, yang satu dan yang lainnya, memancar dari kobaran api yang bernyala-nyala dalam hatimu kerana Tuhan, satu-satunya kekasih hatimu!

Bonda, berbelas-kasihlah kepadaku, yang belum mengasihi Tuhan tetapi begitu sering menghina-Nya. Dukacitamu, sungguh, meyakinkanku akan pengampunan, namun itu saja tidak cukup. Aku rindu mengasihi Tuhan. Siapakah gerangan yang dapat memperoleh rahmat itu bagiku jika bukan engkau, yang adalah Bonda dari Kasih yang Mahakudus!

Ya Maria, engkau menghibur semua orang; anugerahilah aku juga dengan penghiburan-penghiburanmu. Amen.



Marilah kepada-Ku, semua yang letih lesu dan berbeban berat, Aku akan memberi kelegaan kepadamu... kerana Aku lemah lembut dan jiwamu akan mendapat ketenangan (Matius 11:28-29).

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

10 negara perlu doa mendesak

Permulaan tahun baharu bukanlah masa yang aman di kebanyakan negara. Agensi Bantuan untuk Gereja-gereja yang memerlukan (ACN), sebuah yayasan di bawah naungan Sri Paus Fransiskus mengajak semua orang-orang pencinta damai untuk berdoa, khususnya para paderi, religius dan misionari, kanak-kanak, wanita serta mereka yang lemah, yang berada di sepuluh negara yang bergolak berikut:

1. Tanah Suci (Gaza)

Pencerobohan ke negara Israel oleh militan bersenjata Hamas mengejutkan dunia pada Oktober 7. Israel menyerang balas ke atas Gaza yang telah memberi kesan buruk kepada masyarakat Kristian tempatan.

2. Ukraine

Ukraine telah melancarkan perang terhadap Rusia sejak 2014, tetapi konflik itu meningkat pada 2022 dengan melancarkan pencerobohan berskala Rusia penuh terhadap Ukraine.

3. Myanmar

Rampasan kuasa 2021 di Myanmar semakin tegang apabila junta tentera terang-terangan menganiaya etnik minoriti, termasuk komuniti Kristian.

4. Sudan

Selepas rampasan kuasa pada 2019, Sudan melakukan rampasan kuasa kedua pada 2021, di mana Jeneral Abdel Fattah al-Burhan mengambil alih kuasa. Pada tahun 2023, puak tentera yang berbeza mula bertelingkah sehingga mencetuskan perang saudara di negara itu.

5. Burkina Faso

Keganasan tercetis kerana kumpulan Islamis mengenakan peraturan sosial yang ketat yang menjejaskan minoriti Kristian tempatan.

6. The Democratic Republic of the Congo

DRC telah mengalami episod keganasan selama beberapa dekad, sejak tahun 90-an. Ketegangan etnik di kawasan yang berbeza di negara ini memburukkan lagi ketidakstabilan dan penderitaan rakyat Congo.

7. Etiopia

Berikutan konflik di Tigray, Etiopia mengalami tempoh yang sukar. Pada 2023, pertempuran antara Amhara dan Oromo meningkatkan lagi ketidakstabilan dan kebimbangan yang telah wujud di negara itu.

8. Cameroon

Sejak mencapai kemerdekaan, Cameroon telah mengalami pelbagai konflik dalaman. Pada tahun 2016, terdapat perang saudara yang berterusan untuk kemerdekaan selatan Cameroon. Beribu-ribu orang telah terbunuh dalam konflik itu, dan lebih daripada setengah juta telah terpaksa meninggalkan rumah mereka.

9. India

Keadaan di negeri Manipur, yang tidak asing lagi dengan konflik agama dan etnik, bertambah buruk pada 2023. Kebencian etnik semakin memuncak, membawa kepada penganiayaan agama. Parti pemerintah juga bersifat ketuanan Hindu yang mengakibatkan sikap tidak bertoleransi yang lebih besar terhadap penganut Kristian.

10. Haiti

Berikutan pembunuhan Presiden Jovenel Moise pada 2021, Haiti menghadapi huru-hara, dengan kumpulan penjenayah mengawal bahagian utama negara. Pengangguran dan kemiskinan berleluasa, kadar jenayah dan pembunuhan dengan peningkatan yang membimbangkan dalam pembunuhan, penculikan, dan keganasan seksual, menyebabkan keselamatan penduduk sangat tidak aman. — ACN

Gembala KK sambut ulang tahun imamat ke-25

KOTA KINABALU: Apabila anda melihat kembali pelayanan kepaderian anda selama 25 tahun ini, anda pasti mendapati bahawa Tuhan itu setia dan memberkati pelayanan anda. Apabila Tuhan memberkati Uskupnya, Dia juga memberkati semua umat di Keuskupan itu. Semoga Uskup Agung John Wong dapat menikmati lebih banyak ulang tahun dan berkat daripada Tuhan, ucap Uskup Julius Dusin Gitom dari Sandakan, sempena Ulang Tahun Imamat ke-25, Uskup Agung John Wong.

Uskup Julius merupakan salah seorang uskup yang hadir sempena Ulang Tahun Perak Pentahbisan Imamat Uskup John Wong yang dirayakan pada Januari 21 lalu.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Kardinal William Goh dari Singapura dan dibantu oleh Uskup Agung Simon Poh serta Uskup Agung Emeritus John Ha dari Kuching; Uskup Agung Julian Leow dari Kuala Lumpur; Uskup Bernard Paul dari Melaka Johor; Uskup Richard Ng dari Miri; Uskup Cornelius Piong dari Keningau, para klerus, religius dan umat awam dari tiga Keuskupan/Agung di Sabah.

Dalam ucapannya, Uskup Agung John mengungkapkan pujian dan terima kasih kepada Tuhan di atas panggilan-Nya serta menghargai sokongan dan doa daripada semua umat, khususnya dalam perjalanannya sebagai paderi selama 25 tahun ini

Dilahirkan pada Jun 6, 1968, di Sandakan, prelatus itu ditahbis sebagai paderi pada Januari 21, 1999.



Uskup Agung John Wong (lima dari kiri) bersama Kardinal William Goh dan para Uskup/Agung Malaysia.

Beliau melanjutkan pelajarannya di Roma di mana dia memperoleh Ijazah dalam *Spirituality* dan menjadi pengarah untuk aspiran di *Catholic Diocesan Centre* serta timbalan pengarah untuk Tahun Inisiasi, Kolej Sto Petrus, Karamunsing.

Pada masa ini, Uskup Agung John merupakan Presiden bagi Komisi Episkopal untuk Keluarga, Kaum Awam dan Kehidupan di bawah Konferensi para Uskup Malaysia, Singapura dan Brunei.

Dilantik sebagai Uskup Agung kedua bagi metropolitan Kota Kinabalu pada Oktober 1, 2010, beliau berusia 42 tahun pada ketika itu yang menjadikannya sebagai uskup termuda di Malaysia, Singapura

dan Brunei.

Uskup Agung mengambil moto *Iman, Kasih dan Harapan* yang menekankan kepentingan memupuk iman, bermal, teguh dalam harapan, berakar dalam Sakramen-sakramen Gereja dan tradisi Gereja Katolik dalam memenuhi misi dan visi Keuskupan Agung.

Dalam video khas sempena Ulang Tahun Pentahbisan Imamat ke-25 Uskup Agung John Wong yang diterbitkan oleh *Catholic Sabah*, beberapa orang paderi dan orang terdekat dengan Uskup Agung John Wong telah memberikan ucapan serta pandangan mereka tentang gembala itu.

Fr Cosmas Lee, paderi paroki St Simon

Likas mengatakan Uskup Agung John Wong seorang yang boleh menghadapi apa juga isu dan keadaan.

Fr Cosmas mengakui bahawa dia kerap bimbang jika kesibukan Uskup Agung John akan mengganggu prelatus itu dari membuat keputusan atau terlepas pandang akan perkara yang penting.

“Namun hingga kini, Uskup Agung John Wong mampu, bijak, mudah belajar dan alert dalam menangani pelbagai isu. Dan bagi saya, kita mempunyai ketua paderi yang tahu kehendak Gereja, seorang pemimpin yang berani, mempunyai disiplin dan kebajikan sebagai Uskup Agung,” kata Fr Cosmas.



Persatuan Peguam Katolik sambut Misa Roh Kudus

SHAH ALAM: Persatuan Peguam Katolik Kuala Lumpur meraikan Misa Roh Kudus ke-30 mereka, atau lebih dikenali sebagai *Votive Mass* pada Januari 13 lalu di Gereja Divine Mercy.

Misa ini disambut setiap tahun untuk menguduskan dan mendoakan ahli-ahli Persatuan Peguam Katolik dan semua pengamal Undang-undang serta memperingati Sto Hilary dari Poitiers, salah seorang doktor Gereja dan santo pelindung bagi para peguam.

Sempena tahun ke-30 dan sebagai sebuah pertubuhan berdaftar, Persatuan Peguam Katolik meneruskan tumpuannya untuk mewujudkan kesedaran awam, melindungi hak dan kepentingan

kanak-kanak di Malaysia yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Misa Roh Kudus itu dipimpin oleh Nunsio Apostolik ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Zaluski. Prelatus itu menggesa hadirin untuk menumpukan perhatian kepada peribadi Yesus dan mengekalkan iman yang kuat seperti ditunjukkan oleh Tuhan Yesus Kristus dalam melaksanakan misi keadilan dalam kehidupan seharian dan menekankan konsep demokrasi dalam komuniti dan memperjuangkan ke-amanan dunia.

Turut merayakan Misa bersama Uskup Agung Wojciech Zaluski ialah Uskup Agung Julian Leow, Fr Gregory Chan, Fr Michael

Dass dan Fr Simon Labrooy.

Misa telah dipersiapkan dan dijalankan dengan penuh semangat oleh beberapa peguam sendiri yang terdiri daripada ahli Jawatankuasa Eksekutif Persatuan dan juga Peguam Muda Katolik yang mengambil peranan sebagai pembaca, koir, penyambut jemaat dan pembawa persembahan.

Persatuan Peguam Katolik berharap agar semua ahlinya akan terus menyokong Persatuan dalam semua program dan inisiatifnya yang penting.

Misa Roh Kudus diakhiri dengan sesi bergambar dan jamuan makan di Wisma CNI yang terletak dalam kawasan Gereja.

Dipanggil untuk menjadi pengurus bumi yang bertanggungjawab

TELIPOK: Paroki Holy Family Telipok membuka tirai Hari Minggu Kateketikal dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Fr Sylvester Wong.

Dengan tema, “Kita adalah Pengurus Ciptaan Tuhan” (1 Petrus 4:10) hari Minggu Kateketikal memberi peluang bagi para katekis, ibu bapa dan penjaga untuk memperbaharui semula komitmen mereka terhadap misi katekesis.

“Katekesis iman bukan terletak pada bahu katekis pembimbing sahaja tetapi didikan rohani harus bermula daripada ibu bapa dan juga umat setempat,” ujar Fr Sylvester seraya mengingatkan umat tentang tema Hari Minggu Kateketikal yang menyeru manusia

menjaga ciptaan Tuhan dan bumi, planet kita bersama.

Sebelum Misa Kudus berakhir, Fr Sylvester memimpin upacara Pembaharuan komitmen para katekis pembimbing, kemudian para pelajar Pertemuan Minggu Gembira, Inisiasi Kristian Dewasa dan diakhiri oleh ibu bapa pelajar.

Sempena hari Minggu ini juga, kelihatan beberapa kanak-kanak PMG memperagakan busana para santo seperti Sto Fransiskus dari Assisi, Sta Faustina Kowalska, Sta Elizabeth, Sto Joseph, Sto Benedict dan Sto Thomas.

Empat orang tenaga pengajar yang terpilih, memberikan perkongsian iman mereka yang memberikan inspirasi iman untuk melayani. — Evelyn Justine

